

09 MAR 2001

Mahathir-Pertemuan

DR MAHATHIR SEDIA BATAL PROGRAM DEMI PERTEMUAN UMNO-PAS

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau bersedia membatalkan program kerjanya demi membolehkan pertemuan Umno-Pas diadakan pada tarikh yang bersesuaian dengan Pas.

"Saya akan cancel program saya kalau nak jumpa, saya takkan pergi mana-mana," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata parti itu sanggup berbincang apa sahaja dengan Pas walaupun perbincangan itu tidak membawa sebarang persetujuan bersama.

"Kita sanggup bincang apa-apa pun tapi tak semestinya kita bersetuju," katanya

Dr Mahathir berkata Umno akan menjurus kepada perbincangan menyentuh kepentingan dan hak orang Melayu yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan.

"Saya yakin Pas sebagai parti orang Melayu tentulah nak pertahankan juga, kita pun nak pertahankan juga..." katanya.

Semalam, pada sidang media khas di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, Dr Mahathir menggariskan empat perkara utama mengenai kepentingan orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan sebagai agenda untuk dibincangkan pada pertemuan Umno-Pas.

Keempat-empat perkara itu ialah hak keistimewaan orang Melayu, bahasa Melayu, agama Islam sebagai agama rasmi dan status Raja-raja Melayu.

Dr Mahathir berkata, beliau memberi penjelasan kepada Majlis Tertinggi hari ini berkenaan agenda Umno untuk pertemuan itu.

"Mesyuarat hari ini tertumpu kepada dasar berkenaan pendirian Umno berkenaan perpaduan Melayu, sebenarnya kita tidak menerangkan kepada MT empat perkara yang dibentangkan kerana kita takut terbocor, dengan itu (akibat dirahsiakan) ada intepretasi yang tidak baik bahawa kita nak perpaduan orang Melayu ni nak lawan orang Cina," katanya.

Beliau berkata Umno inginkan perpaduan Melayu untuk mempertahankan hak-hak orang Melayu seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan.

Beliau berkata Umno tidak mempunyai niat politik di sebalik pertemuan itu dan bersedia berbincang apa saja yang dibangkitkan oleh Pas.

-- BERNAMA

AFY MS ZS FAZ